

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah-sekolah di Kota Belud yang terlibat dalam senarai projek-projek RMK-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) meliputi Rancangan Malaysia Lima Tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025.

Bagi RMKe-12 *Rolling Plan* 1 (RP1) Tahun 2021, sebanyak 32 projek telah diluluskan di Parlimen Kota Belud dengan kos projek berjumlah RM235.45 juta. Projek yang telah diluluskan merangkumi 26 projek pembinaan bangunan gantian, 1 projek naik taraf bilik darjah menjadi bengkel kemahiran Sijil Kemahiran Malaysia dan 5 projek pembinaan dan pemasangan bekalan air telaga tiub. Sekolah yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. SK Kuala Abai;
- ii. SK Tengkurus;
- iii. SK Kelawat;

- iv. SK Pulau Mantanani;
- v. SK Tuguson;
- vi. SMK Arshad;
- vii. SK Pinolobu;
- viii. SK Nahaba;
- ix. SK Pulau Mantanani;
- x. SK Lasau Podi;
- xi. SK Sayap;
- xii. SK Lasau Tintapon;
- xiii. SK Pituru;
- xiv. SK Gensurai;
- xv. SK Tampasuk II;
- xvi. SK Dalas Kota Belud;
- xvii. SK Nanamun;
- xviii. SK Taun Gusi II;
- xix. SMK Agama Tun Said;
- xx. SK Kulambai;
- xxi. SMK Nanaring;
- xxii. SMK Taun Gusi;
- xxiii. SMK Taun Gusi II;
- xxiv. SK Taun Gusi;
- xxv. SMK Tambulion;
- xxvi. SK Labuan;
- xxvii. SK Sarang;
- xxviii. SK Ulu Kukut;
- xxix. SK Ambong;
- xxx. SK Nahaba;
- xxxi. SK Podos; dan
- xxxii. SK Dudar.

Bagi RMKe-12 *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2022, KPM telah diluluskan sebanyak 3 projek baharu di Parlimen Kota Belud melibatkan kos berjumlah RM43.38 juta. Kesemua projek tersebut melibatkan projek pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif.